

EDISI 03 2022

JULAI-SEPTEMBER 2022



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

# Berita

PASIR GUDANG BANDAR RAYA  
INDUSTRI DAN PELABUHAN



## HARI DYNAMIC PASIR GUDANG



EDISI DIGITAL

BERITA  
MENARIK  
DI DALAM



MAJLIS ANGKAT  
SUMPAH, PELANTIKAN  
AHLI-AHLI MAJLIS

20



MAJLIS PELANCARAN  
JOHOR SELAMAT

22



MALAYSIA BOOK  
OF RECORDS

30

# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

Yang Berhormat  
Dato' Asman Shah bin  
Abd Rahman  
*Datuk Bandar Pasir  
Gudang*

## PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin  
Aliman  
*Setiausaha*

## EDITOR

LAr. Zanariah binti Kadir  
*Ketua Bahagian Korporat  
dan Perhubungan Awam*

## PENGARANG

Tuan Haji Anuar bin  
Abd Ghani  
Puan Aznie Suhaila binti  
Ismail

## PENERBIT

Bahagian Korporat dan  
Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Pasir  
Gudang

## JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin  
Muhamad Sayut  
Encik Muhammad Amirul  
Hidayat bin Mohd Fazil

**KONSEP & REKA GRAFIK**  
RMS SPECTRUM  
SOLUTIONS

# ISI KANDUNGAN

M/S <b>03</b>	MAJLIS PELANCARAN JOHOR BERSIH PERINGKAT PASIR GUDANG
M/S <b>05</b>	PROGRAM PERHIMPUNAN PAGI BULAN JULAI DAN SANTUNI TAMAN TASIK DAHLIA
M/S <b>06</b>	HARI DYNAMIC PASIR GUDANG
M/S <b>12</b>	PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS BANG BANG PERINGKAT PASIR GUDANG 2022
M/S <b>14</b>	SEMINAR LEDAKAN DIGITAL MARKETING, MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
M/S <b>16</b>	PROGRAM CERAMAH ASPIRASI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS
M/S <b>18</b>	PROGRAM PERHIMPUNAN PAGI DAN SANTUNI TAMAN TASEK SERI ALAM
M/S <b>20</b>	MAJLIS ANGKAT SUMPAH, PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG SESI 2022-2023
M/S <b>22</b>	MAJLIS PELANCARAN JOHOR SELAMAT
M/S <b>24</b>	LAWATAN PENANDA ARAS DAN BERINFORMASI KEBUN KEJIRANAN BANDAR LOCAL AGENDA 21 KUALA LUMPUR, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
M/S <b>26</b>	PROGRAM GOTONG ROYONG TANAH PERKUBURAN ISLAM MUTMAINAH PASIR GUDANG 2022
M/S <b>28</b>	SESI LIBAT URUS MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) BERSAMA BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)
M/S <b>30</b>	"MALAYSIA BOOKS OF RECORDS" PELANCARAN WAU MERAK DARI KAIN TENUN JOHOR

## HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan  
tulisan dan maklumbalas. Sila kemukakan kepada

## MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor.

Tel. : 07-2547777

Faks : 07-2515260

Laman Web : [www.mbgp.gov.my](http://www.mbgp.gov.my)



# MAJLIS PELANCARAN JOHOR BERSIH PERINGKAT PASIR GUDANG

Program Johor Bersih telah dilaksanakan serentak di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor pada hari Sabtu, 2 Julai 2022 dan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat, Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, bertempat di Dataran Johor Bahru. Majlis Pelancaran Johor Bersih Peringkat Pasir Gudang telah dianjurkan dengan jayanya oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) bertempat di Dataran Laman Rekreasi Sungai Buloh, Pasir Gudang, Johor.

Di Pasir Gudang, ianya telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Johor Bahru, YB. Dato'

Haji Abdul Rahman bin Salleh. Kira-kira 100 orang hadir bagi menjayakan program ini yang terdiri dari pihak Industri, agensi swasta, kerajaan dan masyarakat di Pasir Gudang.

Program bertema "Ke Arah Hijau dan Sihat" telah dimulakan dengan aktiviti

berbasikal dari pusat pentadbiran MBPG ke Dataran Laman Rekreasi Sungai Buloh sejauh 1 kilometer yang diketuai sendiri oleh YB. Dato' Pegawai Daerah Johor Bahru bersama dif-dif kehormat yang lain. Beliau kemudiannya turut sudi melancarkan



“Squad Dynamic” dan program “Zero Polystyrene” di kawasan pentadbiran Pasir Gudang.

Ahli-ahli *Squad Dynamic* terdiri daripada pelbagai jabatan kerajaan dan agensi swasta yang terpilih untuk menjayakan program Johor Bersih. Penyampaian watikah pelantikan kepada ahli-ahli *Squad Dynamic* terdiri daripada 11 zon yang ditetapkan. Pelbagai acara sampingan seperti aktiviti penanaman pokok, mencantas pokok, kerja-kerja plogging sampah sarap di sekitar kawasan Dataran Laman Rekreasi Sungai Buloh, Pasir Gudang telah dilakukan secara bergotong royong.

Fokus utamanya adalah bagi menjadikan kebersihan di negeri Johor berada ditahap yang terbaik khususnya di kawasan “The Greater Johor Bahru”. Ia juga selaras dengan Visi, Misi dan Manifesto Revolusi MBPG bagi menjadikan Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera Pintar dan Rendah Karbon Menjelang 2025.



# PROGRAM PERHIMPUNAN PAGI BULAN JULAI DAN SANTUNI TAMAN TASIK DAHLIA



Program perhimpunan pagi bagi bulan Julai diadakan pada 7 Julai 2022 bertempat di Taman Tasik Bukit Dahlia, Pasir Gudang. Program kali ini telah disempurnakan oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman selaku Setiausaha MBPG, dengan menyampaikan amanat Datuk Bandar Pasir Gudang. Pada masa yang sama, beliau turut mengambil kesempatan melancarkan Pelan Perlindungan Kesihatan MiCare warga kerja MBPG berkuatkuasa 1 Jun 2022.

Kemudahan pelan perlindungan kesihatan yang baharu diperkenalkan adalah lebih komprehensif mencakupi perkhidmatan rawatan pesakit luar, rawatan tanpa tunai di klinik panel, pengeluaran surat jaminan untuk hospital panel bagi kemasukan wad, proses tuntutan bayaran balik dan perkhidmatan pusat panggilan 24 jam.

Disamping itu juga selaras dengan status yang telah dinaik taraf, MBPG turut menganjurkan Majlis Pelancaran memperkenalkan logo EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) yang baharu dan lebih dinamik supaya ianya relevan dalam mencapai hasrat dan kejayaan yang lebih besar pada masa-masa akan datang.

Program sebagaimana biasa selaras dengan kempen 100 hari Johor Bersih diakhiri dengan program gotong royong di kawasan persekitaran Taman Tasik Bukit Dahlia, Pasir Gudang dengan melibatkan semua warga kerja mengikut Jabatan, Bahagian dan Unit.





## HARI DYNAMIC PASIR GUDANG

Hari *Dynamic* Pasir Gudang telah berlangsung dengan jayanya pada 17 Julai 2022 bertempat di Puncak Kasih, Bukit Layang-Layang, Taman Bandar, Pasir Gudang. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat, Tan Sri Dato' Dr. Hj. Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor.

Hari *Dynamic* Pasir Gudang yang dianjurkan oleh MBPG adalah bertepatan dengan slogan *Dynamic* Pasir Gudang yang bermaksud bertenaga dan berkekuatan dalam menerbitkan pembaharuan serta kemajuan berikutan penjenamaan semula Pasir Gudang yang kini dikenali sebagai Bandar Raya Industri dan Pelabuhan. Slogan yang disandarkan bagi meletakkan nama Pasir Gudang di persada dunia.

Penganjuran Hari *Dynamic* juga merupakan detik amat bermakna khususnya kepada Warga Kerja MBPG, komuniti dan pemegang taruh yang tinggal dan bekerja di bawah pentadbiran bandar raya Pasir Gudang. Oleh kerana pengisian korporatnya disusun dengan begitu teratur yang melibatkan Pelancaran Buku Pelan Strategik MBPG bagi tempoh 2021-2025, Bendera Rasmi dan Lagu Rasmi MBPG.





# Buku Pelan Strategik

Pelancaran Pelan Strategik MBPG bagi tempoh 2021-2025 ini mendasari segala harapan mencorakkan Pasir Gudang dalam tempoh 5 tahun yang ditetapkan. Ia menjadi tunjang dan aspirasi kepada keseluruhan inisiatif bagi jangka masa pendek dan sederhana dalam mencapai Visi MBPG iaitu Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025. Sebanyak 7 Teras Strategik MBPG telah dibangunkan dengan 63 Inisiatif Strategik yang bakal dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun. Penyediaan Pelan Strategik ini turut mengambil kira asas pengukuran kejayaan melalui Revolusi Manifesto Bandar Raya dan satu Pelan Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG) 2030. Pembentukannya berdasarkan kepada aspirasi Kerajaan Negeri Johor untuk menjadikan Johor sebuah bandar raya yang bersih, kemas dan indah, bandar ekonomi, aktif, pintar dan selamat, bandar hijau, berdaya huni dan komuniti bandar yang inklusif, di urus secara profesional mesra dengan kewangan sendiri.



## Lagu Rasmi MBPG @ MBPG Dynamic Gemilang

Selaras dengan status yang telah dinaiktaraf, lagu rasmi MBPG telah ditukar tajuknya dari MPPG Gemilang kepada MBPG *Dynamic* Gemilang. Liriknya diubah mengikut kesesuaian masa kini oleh Datuk Bandar Pasir Gudang. Manakala lagunya telah digubah semula oleh komposer asal iaitu Tn. Hj. Rozman Shafie atau lebih dikenali sebagai composer L.Y dan Baiduri. Lagu baru ini telah dilancarkan bersempena dengan Hari Dynamic yang berlangsung pada 12 Julai 2022. Dinyanyikan oleh kumpulan koir seramai 24 orang yang telah ditubuhkan pada 30 Jun 2022 yang terdiri daripada warga kerja MBPG dari pelbagai Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG.



# Bendera Rasmi MBPG

Acara pelancaran bendera rasmi MBPG menjadi lambang penghormatan dan simbol yang mencerminkan identiti yang menjadi kebanggaan khususnya warga kerja MBPG. Setiap lambang dan simbol yang dicipta mempunyai makna yang tersendiri.

Bendera yang baru dilancarkan ini memaparkan Logo MBPG dengan 3 jenis warna jalur yang berwarna merah, putih dan biru. Warna jalur merah bermaksud keberanian dan ketabahan hulubalang dan pengikut Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar yang bersama-sama menerokai dan memajukan Johor. Warna jalur putih bermaksud melambangkan budaya kerja bersih, suci dan budaya pekerti dalam Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Warna jalur biru bermaksud melambangkan penerangan kerajaan dan rakyat berlatar belakangkan logo Dinamik sebagai lambang penjenamaan bandar raya Pasir Gudang.



## Pelancaran Jawatankuasa Kelestarian Sg. Kim Kim

YB. Tan Sri Dato' Dr. Hj. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor dan YB. Datuk Bandar Pasir Gudang bersama-sama kumpulan komuniti turut berkesempatan melakukan aktiviti berbasikal sejauh 2.2 kilometer dari Taman Bandar ke Sungai Selangkah. Beliau telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Jawatankuasa Kelestarian Sg. Kim Kim dan menyempurnakan penanaman pokok dan melakukan aktiviti gotong-royong kebersihan di sekitar pesisir tebing sungai. Aktiviti diteruskan dengan melawat dan beramah mesra bersama penduduk di Kebun Komuniti Jalan Duku 30, Taman Kota Masai, Pasir Gudang.



# Pertandingan Sukaneka dan Mewarna

Hari *Dynamic* juga dimeriahkan dengan acara sukaneka yang dihadiri oleh YDH. Puan Sri Datin Dr. Hajah Noor Azizah binti Abdul Latif. Pengurus Puspanita Cawangan Negeri Johor dan YDH. Datin Halimah binti Mohamed Rasip, selaku Pengurus Puspanita MBPG dan Timbalannya YBhg. Puan Sharifah Amariah binti Ahmad Jailani, beliau berkesempatan menyantuni dan menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi acara sukaneka yang melibatkan warga Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta Pertandingan Mewarna kanak-kanak bertempat di Astaka Tradisional dan Muzium Layang-Layang, Taman Bandar, Pasir Gudang.



# Majlis Penyampaian Anugerah Jabatan & Warga Kerja Terbaik

Sempena Hari *Dynamic* ini juga, Datuk Bandar Pasir Gudang turut berbesar hati mengumumkan dan menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Warga Kerja Terbaik kepada En. Ahmad Norhapiza Bin Bashri daripada Unit Sarang Buaya, Bahagian Pelancongan, sekaligus mengumumkan Unit Sarang Buaya sebagai penerima Anugerah Jabatan Terbaik. MBPG merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua penerima. Semoga dengan penganugerahan ini akan terus menjadi motivasi dan inspirasi kepada seluruh warga kerja MBPG untuk sama-sama meraih kejayaan.





# PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS BANG BANG PERINGKAT PASIR GUDANG 2022

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Pertandingan Mobile Legends Bang Bang Peringkat Pasir Gudang 2022 pada 23 Julai 2022 di Atrium Kompleks Pusat Bandar, Pasir Gudang. Pertandingan telah dikendalikan oleh pihak Egame sport. Asia, Kelab Sukan Elektronik Empayar Selatan (SEEC) dan Shakers & Movers Management Services dan telah menarik minat penyertaan daripada 32 pasukan dalam kalangan penduduk Pasir Gudang.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahad selaku wakil Rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang dengan diiringi oleh Encik Abd Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan dan Puan Hajah Norizan binti Mohammad selaku Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat.





### Keputusan Pertandingan :

Kategori : Draft Pick	
Kedudukan	Nama Pemenang
Johan (RM2500.00)	Looking For Sponsor
Naib Johan (RM1500.00)	Seec Rte
Ketiga (RM800.00)	Team 360
Keempat (RM500.00)	Albarr Esport
Kelima (RM200.00)	Hex Impact
Keenam RM200.00	New Chapter
Ketujuh RM200.00	Inconclusive Johor Foxes
Kelapan RM200.00	Redz Academy

Kategori : Magic Chess Solo	
Kedudukan	Nama pasukan
Johan (RM200.00)	En. Mohamad Azizi
Naib Johan (RM100.00)	En. Muhammad Fazreen
Ketiga (RM80.00)	En. Ahmad Danish
Keempat (RM70.00)	En. Abdul Rahim Zamrin
Kelima (RM50.00)	En. Petrus Owen Ak Stoni
Keenam RM40.00	En. Nik Mohammad Azeeri
Ketujuh RM30.00	En. Muhammad Akmal
Kelapan RM30.00	En. Muhammad Zulfaqar





# SEMINAR LEDAKAN DIGITAL MARKETING, MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MBPG melalui Jabatan Pelesenan telah menganjurkan Program Seminar Ledakan Digital Marketing MBPG pada 26 Julai 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang. Para peserta terdiri daripada 300 penjaja berlesen dan peniaga di kawasan pentadbiran MBPG.

Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang dengan dihadiri oleh Yang Berusaha Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG, Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG, Puan Hajah Rahamah binti Mahmood, Ketua Jabatan Pelesenan beserta Yang Berbahagia, Encik Haris bin Mohd Ghazali selaku penceramah jemputan dari Tetuan Funnel Evo.

Program dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada para peserta untuk

mempelajari dan mendalami mengenai teori dan praktikal, iaitu mengenai strategi mengintegrasikan semua saluran pemasaran agar dapat mendominasikan segmen pasaran pelanggan secara digital dengan lebih cepat dan efektif. Selain itu, program ini juga dapat memberikan pendedahan ilmu secara terkini dan pantas supaya produk lebih cepat dikenali, seterusnya dapat meningkatkan jualan dan sasaran pembelian ulangan yang berlaku secara berterusan dari pelanggan.

Selari dengan visi menjadi bandar pintar, pelancaran sistem Mylesen akan digunakan sepenuhnya di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Antara kelebihan Mylesen ianya mampu memudahkan beberapa tindakan secara atas talian seperti menyemak status permohonan lesen, membuat permohonan baharu lesen industri serta tred, permohonan penambahan aktiviti



perniagaan, permohonan lesen iklan, permohonan baharu permit kerusi/meja, permohonan baharu permit petak khas parkir kenderaan, permohonan baharu lesen anjing, permohonan baharu penjaja, permohonan baharu pasar malam, membuat bayaran secara atas talian dan mencetak lesen secara digital atas talian.

Program Seminar Ledakan ini turut dimeriahkan dengan sesi pameran daripada beberapa jabatan dan agensi iaitu Jabatan Kesihatan Awam & Persekutaran MBPG, Bank Islam Malaysia Berhad, Mylesen Jabatan Pelesenan MBPG, Tekun Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Grab Food dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).





## PROGRAM CERAMAH ASPIRASI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

Akta OKU 2008 telah menyatakan dengan jelas dimana kanak-kanak berkeperluan khas ini berhak memperoleh peluang pendidikan yang sama rata tanpa diskriminasi atau dikecualikan. Maka, institusi pendidikan terutamanya sekolah memainkan peranan penting bagi menyediakan sistem persekitaran dan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan murid-murid berkeperluan khas ini agar mereka dapat berkembang ke potensi yang maksima). Justeru itu, sistem pendidikan di Malaysia telah melaksanakan Program Pendidikan Inklusif dalam memberi perkhidmatan pendidikan kepada murid-murid berkeperluan khas. Program Pendidikan Inklusif (PPI) dilaksanakan untuk memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada semua murid tanpa mengira ketidakupayaan dan kecacatan mereka.

Justeru Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat, Jabatan Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang telah mengambil inisiatif menganjurkan program ceramah berkaitan aspirasi murid berkeperluan Pendidikan khas yang telah diadakan pada 28 Julai 2022 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah.

Para peserta yang mengikuti program adalah terdiri daripada guru dan pelajar daripada sekolah-sekolah sekitar Pasir Gudang dan Johor Bahru dengan mendapat penyertaan kira-kira 71 orang pelajar dan 24 orang guru berkeperluan khas dari 13 buah sekolah



menengah iaitu SMK Kota Masai, SMK Taman Desa Tebrau, SMK Pasir Gudang 2, SMK Taman Molek, SMK Taman Daya, SMK Tanjung Puteri Resort, SMK Bandar Seri Alam, SMK Permas Jaya 2, SMK Ulu Tiram, SMK Seri Kota Puteri, SMK Taman Johor Jaya 2 dan SMK Taman Megah Jaya.

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin terhadap kepentingan keperluan komuniti dan pendidikan, matlamat pengajuran program ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada komuniti setempat mengenai keberadaan murid berkeperluan khas di dalam komuniti dan memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar berkeperluan pendidikan khas dan guru-guru pendidikan khas.

Di antara pengisian program adalah segmen ceramah dari YBhg. Encik Mohd Sukur Bin Ibrahim, Ikon OKU Kebangsaan (Keusahawanan) untuk berkongsi memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar dan guru-guru bagaimana beliau seorang yang OKU boleh maju dan tidak berputus asa sehingga di angkat sebagai salah seorang figura OKU yang berjaya di Malaysia. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Pihak Pasaraya Hwa Tai Cawangan Kip Mall Masai yang telah sudi menaja air kotak, roti dan alat tulis kepada pelajar-pelajar terlibat.



# PROGRAM PERHIMPUNAN PAGI DAN SANTUNI TAMAN TASEK SERI ALAM

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan Khidmat Pengurusan sekali lagi telah menganjurkan Program Perhimpunan Pagi pada 7 Ogos 2022 dan kali ini iaanya dianjurkan bertempat Taman Tasek Seri Alam, Bandar Seri Alam, Masai. Program sebagaimana lazim telah dimulakan dengan ucapan dan amanat yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang kepada seluruh warga kerja MBPG.

Program turut dihadiri oleh Yang Berusaha Encik Mohd Hafiz Bin Aliman, Setiausaha MBPG, Tuan Haji Mohd Yusof Bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG, Ketua-ketua Jabatan serta seluruh warga kerja MBPG.





Perhimpunan bulanan warga kerja ini merupakan kali kedua dilaksanakan pada tahun ini selepas memasuki fasa peralihan ke *endemic*. Datuk Bandar Pasir Gudang telah menyampaikan ucapan dan amanat dengan mengingatkan kembali hala tuju mengenai visi dan misi MBPG serta memetik kembali amanat kata-kata Yang Berhormat, Tan Sri Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor semasa pengajuran Hari *Dynamic* Pasir Gudang iaitu “MBPG perlu bingkas dan tangkas mendepangi cabaran masa depan dengan kaedah mencantikkan masa hadapan dengan membangunkan kaedah, meminimumkan kesan negatif cabaran masa hadapan, dan dapat memberikan kesan positif akibat cabaran yang dihadapi. Segalanya perlu relevan dan tidak lapuk dengan peredaran zaman”.

“Bersama-sama menjadikan perkhidmatan MBPG sentiasa dipercayai oleh masyarakat, perkhidmatan yang boleh diakses oleh masyarakat, perkhidmatan yang memudahkan

bukan menyukarkan, perkhidmatan yang mesra rakyat bukan pada lebih menunjukkan kuasa yang “tak seberapa”, yang mana masyarakat akan nampak keterbukaan dan kebolehpercayaan secara fizikal melalui pengalaman mereka sendiri ketika berurusan dengan kita.”

Program perhimpunan pagi seterusnya disusuli dengan acara penyampaian surat kenaikan pangkat warga kerja, penyampaian hadiah ulang tahun kelahiran bulan Ogos serta diakhiri dengan pelaksanaan kerja-kerja gotong-royong di Tasik Bandar Seri Alam.



# **MAJLIS ANGKAT SUMPAH, PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG SESI 2022-2023**

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan 24 orang Ahli-ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang bagi sesi 2022-2023. Majlis Angkat Sumpah telah diadakan dengan rasminya pada 10 Ogos 2022 yang lalu bertempat di Dewan Cempaka Jingga, MBPG.

Pelantikan Ahli Majlis adalah terdiri daripada 15 orang pelantikan baharu dan 6 orang lagi ahli majlis lama yang dikekalkan. Majlis telah dimulai dengan taklimat ringkas telah disampaikan oleh En. Mohd Hafiz bin Aliman selaku Tuan Setiausaha MBPG. Seterusnya diikuti dengan bacaan lafaz ikrar dan angkat sumpah oleh kesemua 24 barisan Ahli-ahli Majlis yang dilantik. Majlis diakhiri dengan acara menandatangani dokumen perakuan menerima jawatan (Borang A) dan akuan sumpah. Dokumen yang telah ditandatangani kemudiannya telah diserahkan kepada Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang bagi tujuan pengesahan perlantikan.





Barisan Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang bagi Sesi 2022-2023.

- |  |   |
|--|---|
| 1. Yang Berbahagia Dato' Mohd Amin bin Ahmad             | 13. Encik Low Sing Huat                   |
| 2. Yang Berbahagia Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad | 14. Encik Law Yiak Kwang                  |
| 3. Encik Noor Azleen bin Ambros                          | 15. Encik Leong Yew Seng                  |
| 4. Encik Nooraizam bin Rowaji                            | 16. Encik Teh Siew Boey                   |
| 5. Encik Madyasir bin Ahmad Basir                        | 17. Encik Cia Chow Hui                    |
| 6. Encik Ed Baela bn Muhalajah                           | 18. Puan Chua Tian Cha                    |
| 7. Puan Nur Ain bin A Rahman                             | 19. Puan Tan Geck Hey                     |
| 8. Puan Hajah Rapenah binti Ali                          | 20. Puan Tan Sze Hui                      |
| 9. Encik Fauzi bin Faizal                                | 21. Encik Vijayan a/l Rajoo               |
| 10. Puan Fadilah binti Suradi                            | 22. Encik Mahendran a/l Suramaniam@Maniam |
| 11. Tuan Haji Abd Aziz bin Tohak                         | 23. Encik Krishnan a/l Muniandy           |
| 12. Encik Herman Irmadi bin Ismail@Ja'far                | 24. Encik Zainal bin Basiran              |

Semoga Ahli Majlis yang telah dilantik akan sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti setempat demi kesejahteraan rakyat di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



# MAJLIS PELANCARAN JOHOR SELAMAT



Kerajaan Negeri Johor melalui kerjasama "The Greater JB" iaitu Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Kontinjen Johor telah menganjurkan Majlis Pelancaran Johor Selamat bertempat di Parkir A, Plaza Angsana Johor Bahru berlangsung selama 3 hari iaitu pada 12-14 Ogos dan perasmianya pada 13 Ogos 2022.

Program telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat, Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor. Turut hadir bersama, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan & Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Ahli-Ahli

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Datuk Kamarul Zaman bin Mamat, Ketua Polis Johor Bahru, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Salleh, Pegawai Daerah Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Noorazam Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Yang Berhormat Dato' Asman Shah Abd. Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Tuan Haji Natazha Hariss, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Brig. Jeneral Mohamad Suria Mohamad Saad, Panglima 7 Briged, Encik Mohd Rizal Buang, Pemangku Pengarah Bomba Johor, Kolonel Kamal Mokhtar, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Johor, Tuan Haji Md Shah Rizal Zainal, Pengarah RELA Negeri Johor, Yang Dipertua Pihak Berkua Tempatan, Adun-adun serta Ketua-ketua masyarakat dan tetamu jemputan seramai kira-kira 1,000 orang.

Program ini adalah proses penambahbaikan bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan bandar raya dengan mengategorikan perancangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang sekaligus mendukung hasrat untuk mencapai status negara maju menjelang 2030.



Bagi menjayakan agenda “Johor Selamat” skuter elektrik dan van balai polis bergerak serta pondok polis yang telah dinaiktaraf, kesemua ini akan membantu PDRM untuk terus berusaha mengekalkan keamanan di Johor. Pihak PDRM juga akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia, agensi-agensi beruniform lain dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk meningkatkan keselamatan negeri. Selain agensi keselamatan, empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut berperanan besar dalam membantu menjaga keselamatan awam untuk kawasan Greater Johor Bahru.

Di bawah *Smart City Initiative* setiap CCTV yang dipasang di dalam kawasan “Greater Johor Bahru” akan disambungkan ke sebuah *Command Center* yang akan memantau seluruh bandar Johor Bahru termasuk kawasan-kawasan tumpuan (*hotspots*).

Command Center ini pula menghubungkan kepada talian PDRM dalam usaha mengurangkan lagi kes jenayah, serta menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) untuk melakukan proses cam muka (*face recognition*) serta cam kenderaan (*car recognition*) bagi memudahkan kerja siasatan aduan.

Tahap keselamatan yang tinggi akan menyediakan keadaan yang kondusif kepada para pelabur dan pelancong. Kesemua ini akan menjurus kepada peningkatan ekonomi negeri untuk jangka masa panjang, yang akhirnya akan dimanfaatkan sendiri oleh Bangsa Johor.





## LAWATAN PENANDA ARAS DAN BERINFORMASI KEBUN KEJIRANAN BANDAR LOCAL AGENDA 21 KUALA LUMPUR, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MBPG telah menerima Lawatan Penanda Aras Dan Berinformasi Kebun Kejiranan Bandar Local Agenda 21 Kuala Lumpur Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 15 Ogos 2022. Delegasi telah disambut oleh Tn. Hj. Mohd Yusof Bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar. Lawatan DBKL pula telah di ketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Ar. Ismail Bin Ngah, Ahli Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Peserta lawatan kemudiannya telah di bawa ke 3 lokasi kebun Komuniti terpilih bagi melihat dan meninjau produk pertanian yang dihasilkan dengan disambut mesra oleh penduduk setempat iaitu Kebun Komuniti Angsana, Taman Rinting, Kebun Komuniti Balau G, Taman Rinting dan Kebun Komuniti Fasa Damai, Taman Bukit Dahlia.

Penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kesudian datang ke MBPG. Semoga perkongsian ilmu dan pengalaman yang diperolehi dapat memberi manfaat kepada kedua belah pihak dan seterusnya dapat menjalin hubungan baik dan memperkasa kolaborasi antara PBT-PBT pada masa hadapan.





# **PROGRAM GOTONG ROYONG TANAH PERKUBURAN ISLAM MUTMAINNAH PASIR GUDANG 2022**

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan program Gotong Royong Tanah Perkuburan Mutmainnah Pasir Gudang bagi tahun 2022 pada 21 Ogos 2022. Program telah dihadiri oleh YBrs. En. Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang.

Turut hadir menjayakan program, Tn. Hj. Mohd Yusof Bin Abd. Wahab Timbalan Setiausaha MBPG, En. Malek Bin Mahmud, selaku wakil Ahli Majlis Zon Cahaya Masai, Puan Norziah Binti Aman, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru, Encik Mohd Zahar Bin Wahid, Pengurus Masjid Kg. Pasir Gudang Baru dan pihak waris. Selain itu, program





turut disertai oleh seramai 120 orang sukarelawan terdiri daripada pelbagai agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan PG Care, Kariah Masjid Kampung Pasir Gudang Baru, bersama warga kerja MBPG.

Program pada awalnya dimulakan dengan acara bacaan tahlil arwah dan doa ringkas yang telah dipimpin oleh Encik Abdul Quddus bin Salam dari Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG dan seterusnya diberikan taklimat berkenaan pembahagian tugas kepada sukarelawan sebelum aktiviti gotong royong dijalankan.

Fokus utama program gotong royong ini adalah bagi membersihkan kawasan tapak perkuburan melalui kerja-kerja mencabut rumput, mengutip sampah, memperbetulkan kedudukan batu paket dan membersihkan pusara. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin terhadap kepentingan komuniti dan kebajikan, matlamat

pengajuran program ini adalah sebagai salah satu usaha bagi melahirkan rasa tanggungjawab serta kesedaran komuniti setempat dalam menjaga kebersihan dan keindahan kawasan tanah perkuburan agar iaanya menjadi kawasan yang mesra untuk diziarahi.

Program berlangsung dengan jayanya dan telah berakhir pada jam 12.00 tengahari. MBPG merakamkan setinggi tinggi ucapan terima kasih kepada para sukarelawan terlibat di atas kerjasama yang telah diberikan.



**SEPTEMBER**



## **SESI LIBAT URUS MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG BERSAMA BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)**

Biro Pengaduan Awam (BPA) telah mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) bersama Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 21 september 2022 bertempat Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah, MBPG bagi membincangkan aduan dari BPA yang masih dalam tindakan lagi iaitu kerosakan lampu jalan, jejantas dan permohonan menebang pokok di dalam kawasan pentadbiran MBPG. Antara yang turut hadir ialah Tuan Clement Wong Chen Siong, Pengarah Biro Pengaduan Awam Negeri Johor, Puan Nazihah Iryni Binti Azaddin, Ketua Penolong Pengarah BPA, Puan Miftah Saadah Binti Mahpot, Penolong Pegawai Tadbir , Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG, Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap, Jabatan Kesihatan Awam dan Persekitaran serta Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam.





Pihak BPA dan MBPG juga telah membuat perbincangan dan perkongsian permasalahan serta idea mencari jalan penyelesaian mengenai pengurusan aduan secara umum bagi mengenal pasti sebarang isu-isu yang berbangkit untuk ditambah baik. perbincangan, perkongsian dan cadangan tentang penerapan elemen yang fleksibel dalam mencari jalan penyelesaian aduan-aduan yang melibatkan agensi dari luar juga dibincangkan.





# "MALAYSIA BOOKS OF RECORDS" PELANCARAN WAU MERAK DARI KAIN TENUN JOHOR

Wau Merak (Wau Tradisi Negeri Johor) mendapat pengiktirafan "Malaysia Books Of Records" kerana berjaya diterbangkan diudara pada 17 September 2022 bertempat di Bukit Layang-layang, Taman Bandar, Pasir Gudang, Johor. Majlis ini dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Haji A. Rahim bin Nin, Presiden Persatuan Pelayang Malaysia, Yang Berbahagia Tuan Haji Shahril Nizam bin Abdul Rahim, Pengarah Yayasan Warisan Negeri Johor, Yang Berbahagia Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim, Yang Dipertua, Persatuan Pelayang Johor, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG, Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab Timbalan Setiausaha MBPG dan Ketua-ketua Jabatan/Bahagian/Unit. Seterusnya Wau Merak Kain Benang Johor ini diterbangkan oleh Ahli Persatuan Pelayang Negeri Johor.

Majlis ini merupakan anjuran MBPG dengan kerjasama Persatuan Pelayang Johor (PPJ) dan Yayasan Warisan Johor (YWJ) untuk memperkenalkan dan mempromosikan budaya Negeri Johor melalui penglibatan dalam Malaysia Book Of Records dengan mencipta dan menghasilkan Wau Merak dari tenunan benang Johor. Selain itu, dengan majlis pelancaran ini, ia dapat memartabatkan dua warisan budaya negeri Johor iaitu warisan Wau Merak (wau tradisi negeri Johor) dan warisan kain benang Johor.

Pada peringkat awal, projek ini merupakan cadangan asal Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Melihat kepada identiti tenunan kain benang Johor yang mempunyai reka bentuk yang unik





serta kreatif, selain daripada penghasilannya yang memerlukan masa, kepakaran dan sentuhan seni tangan dari penenun profesional menyebabkan projek ini dipilih bagi mendapat pengiktirafan di peringkat tertinggi. Selain daripada itu, projek ini dipilih selaras dengan saranan Yang Berhormat Tan Sri Dato Dr. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor yang inginkan budaya dan identiti yang menjadi lambang dan kemegahan negeri Johor dikongsi dan diperkenalkan di peringkat antarabangsa.

Proses pembuatan wau ini memerlukan tiga minggu bagi persiapan menghasilkan wau merak bercorak 100% tenunan kain benang Johor yang ditenun di Galeri Tenun, Yayasan Warisan Johor. Tiga minggu tersebut merangkumi beberapa proses iaitu, menenun

kain, menjahit (mencantum) kain, mencetak logo, menampal kain pada rangka wau, membuat balong (kepala Merak), Busur ekor dan pitu-pitu serta terakhir adalah kerja-kerja kemasan (finishing).

Menggunakan konsep tiga warna asas bendera negeri Johor dan bendera MBPG iaitu jalur Merah, jalur Biru dan warna Putih manakala saiz wau Merak ini ialah 96" X 173" (lebar x tinggi) ukuran dalam inch. Wau Merak ini mengekalkan corak / motif Bunga Lada Hitam dan Buah Lada Hitam yang disulam menggunakan benang berwarna pirus (turquoise) pada tenunan kain berbeza dengan wau Merak yang dihasilkan dan dipertandingkan di peringkat kebangsaan yang menggunakan teknik sobek dan tampil pada kertas dan bermotifkan Pokok Lada Hitam.

Seiring dengan pengiktirafan ini, budaya dan elemen tradisi negeri Johor iaitu Tenunan Kain Benang Johor dan Wau Merak, Wau Tradisi Negeri Johor ini dapat diangkat dan dimartabatkan di peringkat antarabangsa dan seterusnya di peringkat dunia pada masa akan datang. Semoga dengan pengiktirafan yang diperolehi, "Wau Merak Warisan Pasir Gudang" dapat memberikan satu inspirasi dan suntikan baru yang lebih segar dan subur di negeri Johor khususnya dan tanah air amnya.



## KENALI REKA BENTUK

## JALUR GEMILANG



Lambang perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum



Warna Di Raja yang khasus melambangkan kedaulatan Raja-Raja Melayu yang berperlembagaan

### Bulan & Bintang

Menggambarkan Agama Islam sebagai agama persekutuan negara.

### Bintang Pecah 14

Menunjukkan perpaduan 13 buah negeri dan 1 wilayah persekutuan.

### 14 Jalur

14 jalur berwarna merah dan putih yang sama lebar menggambarkan 13 buah negeri anggota dan sebuah Wilayah Persekutuan yang memiliki keanggotaan yang sama dalam negara Malaysia.

Menunjukkan keberanian dan kesedihan dalam menghormati segala jenis cabaran demi negara yang tercinta

Menjadi lambang kesucian serta keluhuran hati masyarakat

TAHUKAH ANDA ?

## BENDERA ASAL USUL MALAYSIA



MOHAMED HAMZAH  
PEREKA JALUR GEMILANG

Bendera Malaya telah direka oleh Mohamed Hamzah, seorang arkitek berusia 29 tahun yang bekerja di Jabatan Kerja Raya (JKR) di Johor Bahru, Johor.

Tahun 1949 : Majlis Raja-Raja dengan kerjasama Majlis Perundangan Persekutuan telah mengadakan pertandingan peringkat kebangsaan untuk memilih reka bentuk bendera bagi kerajaan yang bakal dibentuk.

Sebanyak 373 penyertaan diterima, hanya 3 reka bentuk bendera sahaja ke peringkat akhir.

28 November 1949 : Keputusan Akhir diumumkan Mei 1950 ; Mendapat kelulusan King George VI

Pada 26 Mei 1950, buat pertama kali bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dikibarkan di perkarangan Istana Sultan Selangor dengan dihadiri oleh DYMM Raja-Raja Melayu dan pegawai-pegawai King George VI.

## PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



IMBAS



FACEBOOK MBPG



IMBAS



LAMAN SESAWANG MBPG



IMBAS



INSTAGRAM MBPG



IMBAS



SELURUH NEGERI SEMBILAN